

# Bidang teknologi maklumat, multimedia dan sains komputer

# MSC perlu 15,000 siswazah

Oleh ROHANA BUJANG

KOTA SAMARAHAN, Isnin — Kerajaan akan melahirkan sekurang-kurangnya 15,000 siswazah dalam bidang teknologi maklumat (IT), multimedia dan sains komputer untuk menjayakan Koridor Raya Multimedia (MSC) pada tahun 2000.

Menyatakan demikian, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, jumlah itu bagaimanapun masih tidak mencukupi untuk menjayakan projek berkenaan, yang sedang berkembang pesat dan mempunyai permintaan tinggi dalam bidang itu.

Sehubungan itu, beliau mahu Institut Pengajian Tinggi (IPT) di negara ini berusaha melatih mahasiswa dalam bidang berkenaan bagi memastikan mereka mahir dan berpengetahuan dapat dilahirkan.

"Kita mungkin tidak dapat membuat unjurannya pada masa sekarang dan oleh itu kemahiran dalam bidang IT perlu dipertingkatkan lagi untuk kepentingan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Infokiosk Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di Kota Samarahan di sini, hari ini.

Infokiosk itu berharga RM75,000 seunit menyimpan segala maklumat mengenai universiti itu, termasuk sejarahnya.



• MOHD RADZI BUJANG

● DATUK Seri Najib Tun Abdul Razak merasmikan Infokiosk Unimas sambil diperhatikan Datuk Dr Zawawi (kanan) di Kota Samarahan, semalam.

Arkib  
NEW  
55.07  
35  
1997